

PENGEKSTRAKAN *SWIETENIA MAHAGONI*
MENGUNAKAN KARBON DIOKSIDA LAMPAU GENTING DAN POTENSI
EKSTRAK SEBAGAI PENYEMBUH LUKA

HARTATI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Kejuruteraan Bioproses)

Fakulti Kejuruteraan Kimia
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2015

Dikhaskan untuk yang saya sayangi dan sentiasa menyokong saya

Ayah dan mama,

Suami saya Andi Ahmad

Anak-anak saya, ahli keluarga dan kawan-kawan

Orang-orang yang memberi inspirasi kepada saya untuk penyelesaian pengajian ini

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT, kerana dengan limpahan rahmat dan kurnia serta izin-Nya jualah kajian ini dapat disempurnakan.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ketiga-tiga penyelia saya, Dr Liza Md Salleh, PM Dr. Azila Abd Azis dan PM Dr. Mohd Azizi Che Yunus atas segala ilmu, tunjuk ajar, bimbingan, nasihat dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan.

Penghargaan ini juga saya tujukan buat juruteknik makmal bioproses, makmal Clear dan makmal kultur sel yang banyak membantu saya secara langsung dalam melancarkan penyelidikan ini iaitu Puan Siti Zalita, En. Yaakop, En. Latfi and Puan Zuhaili. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan buat rakan-rakan yang telah banyak memberi sokongan dari segi ilmu dan moral iaitu Syukriah, Roslina, Hasmida, Ramdan, Asyiqin, Salman, Hasan, Syamsiah, Huriah, Halifah, Rachmawaty, Arti Manikam dan Koay Yin Shin.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat bonda tersayang Baeti dan ayahanda Parseni yang tidak pernah lupa mendoakan kejayaan dan kebahagiaan anakanda. Penghargaan ini juga ditujukan buat suami tersayang Andi Ahmad, anakanda Andi Fathan Mubin, Andi Fathiyah Nurul Izzah dan saudara-saudaraku semuanya yang sentiasa memberi semangat dan kiriman doa.

ABSTRAK

Swietenia mahagoni (*S. Mahagoni*) atau lebih dikenali di Malaysia sebagai Tunjuk Langit telah digunakan dalam perubatan tradisional untuk merawat pelbagai jenis penyakit. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan pemboleh ubah (tekanan, suhu, dan saiz partikel) bagi pengekstrakan asid linoleik daripada biji *S. mahagoni* menggunakan pengekstrakan lampau genting karbon dioksida (SC-CO₂) dan untuk mengkaji sifat-sifat penyembuhan luka daripada ekstrak biji *S. mahagoni* menggunakan model *in vitro*. Tiga parameter operasi SC-CO₂ telah dioptimumkan dengan kaedah tindak balas permukaan menggunakan reka bentuk *Box-Behnken* untuk mendapatkan hasil yang tinggi daripada biji *S. mahagoni*. Aktiviti antioksidan dinilai dengan menggunakan aktiviti sisa radikal bebas 2,2-difenil-1-pikrilhidrazil (DPPH), manakala aktiviti antimikrob dinilai menggunakan kaedah resapan cakera. Kehadiran asid linoleik dalam ekstrak *S. mahagoni* disahkan dengan menggunakan kromatografi gas-spektrometri jisim (GC-MS). Kemudian, ujian ketoksikan, cerakin goresan, cerakin *transwell* dan penghasilan kolagen dijalankan untuk menyiasat ciri-ciri penyembuhan luka. Dapatan kajian menunjukkan keadaan yang optimum untuk hasil ekstrak biji *S. mahagoni* dalam julat eksperimen adalah 29.02 MPa, 57.88 °C dan 0.75 mm, dan hasil yang diramalkan adalah 20.68 % dengan asid linoleik sebanyak 34.91%. Dalam keadaan optimum, nilai eksperimen adalah sesuai dengan nilai-nilai yang diramalkan. Pengekstrakan *Soxhlet* daripada biji *S. mahagoni* mengandungi hasil tertinggi iaitu 41.08% ± 0.98 dan aktiviti antioksidan iaitu 90.14% ± 0.66. Sementara itu, hasil pengekstrakan SC-CO₂ ialah 20.07% ± 0.48 dengan aktiviti antioksidan 92.31% ± 2.89. Ekstrak biji *S. mahagoni* mempunyai kesan perencat terhadap pertumbuhan *Bacillus subtilis*, *Staphylococcus aureus* dan *Escherichia coli* pada kepekatan 100 mg/mL. Kesemua ekstrak merangsang pertumbuhan sel fibroblas pada kepekatan 0.1 - 0.001 mg/mL, mendorong kadar migrasi sehingga 100% dan menunjukkan statistik yang signifikan berbanding kawalan ($p < 0.05$). Kesan ekstrak SC-CO₂ biji *S. mahagoni* terhadap migrasi sel fibroblas meningkat secara signifikan berbanding kawalan negatif dan menggalakkan sintesis kolagen jenis-I.

ABSTRACT

Swietenia mahagoni (*S. mahagoni*) or commonly known in Malaysia as *Tunjuk Langit* has been used in traditional medicine for treatment of diseases. The objectives of this research are to determine conditions (pressure, temperature, and particle size) for extraction of linoleic acid from *S. mahagoni* seed extract by using supercritical carbon dioxide (SC-CO₂) extraction and to investigate wound healing properties of *S. mahagoni* seed extract using an *in vitro* model. Three operating parameters of SC-CO₂ were optimized by response surface method using Box-Behnken design to obtain high yield of *S. mahagoni* seed extract. Its antioxidant activity was assessed by using 2,2-diphenyl-1-picrylhydrazyl (DPPH) free radical scavenging method, while the antimicrobial activity was evaluated using disc diffusion method. The presence of linoleic acid in *S. mahagoni* extract was verified by using gas chromatography-mass spectrometry (GC-MS). Then, the toxicity, scratch assay, transwell assay and collagen production were conducted to investigate the wound healing properties. The results obtained in this study showed that the optimal conditions for *S. mahagoni* seed yield within the experimental range were found to be 29.02 MPa, 57.88 °C and 0.75 mm, while the predicted yield was found to be 20.68% with 34.91% of linoleic acid. Under these optimal conditions, the experimental values were in agreement with the predicted values. Soxhlet extraction of *S. mahagoni* seed with the highest yield was 41.08% ± 0.98 and antioxidant activity was 90.14% ± 0.66. Meanwhile, the yield of SC-CO₂ extraction was 20.07% ± 0.48 and the antioxidant activity was 92.31% ± 2.89. *S. mahagoni* seed extracts had inhibitory effects on the growth of *Bacillus subtilis*, *Staphylococcus aureus*, and *Escherichia coli* at the concentration of 100 mg/mL. All extracts stimulated the growth of the fibroblast cell at 0.1 - 0.001 mg/mL, induced the migration rate up to 100% and exhibited statistically significant performance compared to control ($p < 0.05$). The effect of the SC-CO₂ extract of *S. mahagoni* seed on the cell migration fibroblast cell increased significantly when compared to the negative control and it was found to stimulate the synthesis of collagen type I.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xviii
	SENARAI SIMBOL	xx
	SENARAI LAMPIRAN	xxi
1	Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Skop Kajian	5
	1.5 Sumbangan Penting	6
	1.6 Perincian Tesis	6
2	Tinjauan Literatur	8
	2.1 Pengenalan	8
	2.2 Tumbuhan Ubatan	8

2.3	Sebatian Bioaktif Dalam Tumbuhan	9
2.3.1	Sebatian Fenolik	10
2.3.2	Flavon, Flavonoid dan Flavonol	11
2.3.3	Tanin	11
2.3.4	Kumarin	11
2.3.5	Terpenoid dan Minyak Pati	12
2.3.6	Alkaloid	12
2.3.7	Asid Linoleik	12
2.3.7.1	Ciri-ciri dan Fungsi Asid Linoleik	12
2.3.7.2	Kajian Asid Linoleik dalam penyembuhan Luka	13
2.4	<i>Swietenia mahagoni</i>	17
2.4.1	Deskripsi Umum	17
2.4.2	Kajian Berkaitan <i>Swietenia mahagoni</i>	18
2.5	Kaedah Pengekstrakan	20
2.6	Pengekstrakan Bendalir Lampau Genting	24
2.6.1	Ciri-ciri Pengekstrakan Bendalir Lampau Genting	24
2.6.2	Pelarut Bagi Pengekstrakan Bendalir Lampau Genting	26
2.6.2.1	Kekutuban Karbon Dioksida Lampau Genting	27
2.6.3	Prinsip dan Mekanisme Pengekstrakan Bendalir Genting	28
2.6.4	Pemboleh Ubah Proses Pengekstrakan Bendalir Lampau Genting	29
2.6.4.1	Tekanan dan Suhu	30
2.6.4.2	Kadar Aliran Pelarut	31
2.6.4.3	Masa Pengekstrakan	32
2.6.4.4	Saiz Partikel	33
2.6.5	Pengoptimuman Pengekstrakan Bendalir Lampau Genting	33

2.6.6	Kelebihan Pengekstrakan Bendalir Lampau Genting	35
2.6.7	Penggunaan Pengekstrakan Bendalir Lampau Genting	38
2.7	Ekstrak Kaedah SC-CO ₂ Sebagai Bahan Antimikrob dan Antioksida	40
2.7.1	Bahan Antimikrob	42
2.7.2	Bahan Antioksida	43
2.8	Penyembuhan Luka	45
2.8.1	Proses Penyembuhan Luka	46
2.8.2	Jenis-Jenis Penyembuhan Luka	48
2.8.2.1	Penyembuhan Primer	48
2.8.2.2	Penyembuhan Primer Tertangguh	48
2.8.2.3	Penyembuhan Sekunder	49
2.8.2.4	Penyembuhan Luka Ringan	49
2.8.3	Sel-sel dan Faktor-Faktor Pertumbuhan yang Terlibat Dalam Penyembuhan Luka	50
2.8.4	Nutrien dan Penyembuhan Luka	53
2.9	Kulit	54
2.10	Fibroblas Kulit Manusia	55
2.11	Kolagen	57
3	METODOLOGI	58
3.1	Pengenalan	58
3.2	Bahan-Bahan	58
3.3	Pengesahan Sampel	60
3.4	Penyediaan Sampel	60
3.4.1	Serbuk Biji <i>S. mahagoni</i>	60
3.4.2	Penyediaan Sampel dari Ekstrak Biji <i>S.</i> <i>mahagoni</i>	60
3.4.2.1	Pengekstrakan Soxhlet	60

3.4.2.2	Penentuan Kadar Aliran CO ₂	61
3.4.2.3	Pengekstrakan Karbon Dioksida Lampau Genting (SC-CO ₂)	62
3.5	Reka Bentuk Eksperimen	63
3.6	Penentuan Hasil Ekstrak	65
3.7	Penilaian Fizikal Hasil Ekstrak	65
3.8	Penentuan Asid Linoleik	65
3.9	Aktiviti Antimikrob Ekstrak <i>Swietenia mahagoni</i>	66
3.9.1	Penyediaan Agar-agar Nutrien Condong	66
3.9.2	Penyediaan Larutan Ekstrak	67
3.9.3	Penyediaan Mikroorganisma	67
3.9.4	Penyaringan Aktiviti Antibakteria	67
3.10	Aktiviti Menghapus Sisa Radikal Bebas DPPH	68
3.11	Kandungan Jumlah Fenolik (TPC)	68
3.12	Kaedah Umum Penyelenggaraan Sel	69
3.12.1	Pemulihan Sel	69
3.12.2	Subkultur Sel	70
3.12.3	Pengawetankrio Sel	70
3.12.4	Pengiraan Sel dan Kebolehidupan Sel	71
3.12.5	Profil Pertumbuhan Sel	72
3.13	Penentuan Kesan Biji <i>S. mahagoni</i> terhadap Pertumbuhan Sel Menggunakan Kaedah Cerakin MTT	73
3.14	Kajian Keberkesanan Penutupan Goresan Lapisan Sel Fibroblas Menggunakan Kaedah Cerakin Goresan	74
3.15	Cerakin Migrasi Sel Culturex 24 Well Collagen I	75
3.16	Cerakin Kolagen Sircol	76
3.17	Analisis Statistik	77

4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	78
4.1	Penentuan Kadar Aliran CO ₂ dan Masa Pengekstrakan Biji <i>S. mahagoni</i> Menggunakan Kaedah Pengekstrakan Karbon Dioksida Lampau Genting	78
4.1.1	Kajian Awalan Untuk Menentukan Kadar Aliran CO ₂ yang Paling Baik	79
4.1.2	Penghapusan Sisa Radikal Bebas DPPH	80
4.1.3	Jumlah Kandungan Fenolik (TPC)	81
4.1.4	Aktivitas Antimikrob	82
4.2	Pengoptimuman Hasil Pengekstrakan Biji <i>S. mahagoni</i> Menggunakan Kaedah Karbon Dioksida Lampau Genting (SC-CO ₂)	84
4.3	Penentuan Kualiti dan Kuantiti Asid Linoleik Hasil Ekstrak Biji <i>S. mahagoni</i> Menggunakan GC-MS	92
4.4	Analisis Perkadaran Hasil Linoleik terhadap parameter tekanan, suhu dan saiz partikel menggunakan RSM	95
4.4.1	Kesan Tekanan terhadap peratusan asid linoleik	97
4.4.2	Kesan suhu terhadap peratusan hasil asid linoleik	98
4.4.3	Kesan saiz partikel terhadap peratusan hasil asid linoleik	99
4.5	Perbandingan antara pengekstrakan SC-CO ₂ dan pengekstrakan soxhlet terhadap hasil ekstrak, asid linoleik, aktiviti antioksidan dan aktiviti Antibakteria	102
4.5.1	Perbandingan hasil ekstrak minyak daripada biji <i>S. mahagoni</i>	103
4.5.2	Perbandingan Peratusan Asid Linoleik	106
4.5.3	Perbandingan aktiviti antioksidan	107

4.5.4	Perbandingan aktiviti antibakteria	110
4.6	Cerakin <i>in vitro</i> berkaitan dengan aktiviti penyembuhan luka	111
4.6.1	Keluk pertumbuhan sel fibroblas kulit manusia (HSF1184)	112
4.6.2	Morfologi sel fibroblast (HSF1184)	114
4.6.3	Perbandingan antara SC-CO ₂ dan soxhlet terhadap respon biologi dan sitotoksik menggunakan cerakin MTT	116
4.6.4	Perbandingan SC-CO ₂ dan soxhlet terhadap penutupan luka menggunakan kaedah cerakin goresan	119
4.6.5	Perbandingan menggunakan kaedah cerakin transwell (cerakin invasi sel)	125
4.6.6	Perbandingan menggunakan kaedah penghasilan kolagen	128
5	KESIMPULAN	132
5.1	Kesimpulan	132
5.2	Cadangan	133
	RUJUKAN	135
	Lampiran A – C	154- 169

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Produk komersial EFA sedia ada bagi penyembuhan luka di Brazil	16
2.2	Tatanama pengelasan	17
2.3	Ringkasan mengenai keadaan eksperimen bagi pelbagai kaedah pengekstrakan bahan-bahan tumbuhan	22
2.4	Nilai cirian keadaan gas, cecair, dan lampau genting	25
2.5	Keadaan kritikal bagi beberapa pelarut	26
2.6	Kelebihan menggunakan pemprosesan SC-CO ₂ bagi produk semula jadi	37
2.7	Penggunaan pengekstrakan bendalir lampau genting	39
2.8	Fasa-fasa penyembuhan luka	47
2.9	Sel-sel yang terlibat dalam penyembuhan luka	50
2.10	Faktor-faktor pertumbuhan yang terlibat dalam penyembuhan luka	51
2.11	Nutrien yang boleh mempengaruhi penyembuhan luka	54
3.1	Pelan reka bentuk eksperimen bagi Box-Behnken, aras terkod dan sebenar	64
4.1	Penghapusan sisa radikal DPPH dan jumlah kandungan fenolik (TPC) ekstrak biji <i>S. mahagoni</i> pada kadar aliran CO ₂ yang berbeza	81

4.2	Aktiviti antimikrob ekstrak biji <i>S. mahagoni</i> pada kadar aliran CO ₂ yang berbeza	83
4.3	Aras terkod dan tidak terkod bagi pemboleh ubah tak bersandar yang digunakan dalam reka bentuk RSM	85
4.4	Matriks eksperimen dan nilai-nilai tindak balas yang diperolehi	85
4.5	Analisis permukaan tindak balas berdasarkan hasil yang diperolehi daripada SC-CO ₂	87
4.6	Analisis varians (ANOVA) bagi model kuadratik permukaan tindak balas bagi hasil ekstrak daripada biji <i>S. mahagoni</i> yang diperolehi daripada pengekstrakan CO ₂	87
4.7	Analisis tindak balas berdasarkan asid linoleik yang diperolehi daripada pengekstrakan SC-	96
4.8	CO ₂ Analisis varians (ANOVA) bagi model kuadratik permukaan tindak balas bagi asid	96
4.9	linoleik ekstrak daripada biji <i>S. mahagoni</i> Perbandingan proses pengekstrakan bagi peratusan hasil asid linoleik ekstrak biji <i>S.</i>	106
4.10	<i>mahagoni</i> Aktiviti antibakteria bagi ekstrak biji <i>S. mahagoni</i> yang berbeza selepas 24 jam	110

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Struktur kimia asid linoleik	13
2.2	Kesan asid linoleik terhadap proses penyembuhan luka	15
2.3	(a) Pokok <i>S. mahagoni</i> , (b) buah <i>S. mahagoni</i> , dan (c) biji <i>S. mahagoni</i>	18
2.4	Kaedah pengekstrakan konvensional dan moden	21
2.5	Gambar rajah fasa tekanan-suhu bagi komponen tulen	24
2.6	Keputusan carian kandungan menggunakan karbon dioksida lampau genting (SC-CO ₂) sebagai istilah carian (1999-2000)	40
2.7	Sel dan faktor-faktor pertumbuhan yang terlibat dalam penyembuhan luka	53
3.1	Rangka kerja operasi kajian aktiviti	59
3.2	Gambarajah skematik bagi unit pengekstrakan bendalir lampau genting (SFE)	63
4.1	Peratusan hasil ekstrak bagi kadar aliran CO ₂ yang berbeza dengan masa pengekstrakan	79
4.2	Plot permukaan hasil minyak daripada <i>S. mahagoni</i> sebagai fungsi tekanan dan suhu pada saiz partikel yang dimalarkan (0.50 mm)	91
4.3	Plot permukaan hasil minyak daripada <i>S. mahagoni</i> sebagai fungsi tekanan dan saiz partikel pada suhu yang dimalarkan (50°C)	91
4.4	Plot permukaan hasil minyak daripada <i>S.</i>	

	<i>mahagoni</i> sebagai fungsi suhu dan saiz partikel pada tekanan yang dimalarkan (25 MPa)	92
4.5	Kromatografi dan spektrum GC-MS daripada minyak biji <i>S. mahagoni</i>	93
4.6	Perbandingan Spektrum jisim dan spektrum jisim piawai bagi 9,12-asid oktadekadienoik (asid linoleik).	94
4.7	Plot permukaan asid linoleik daripada <i>S. mahagoni</i> sebagai fungsi tekanan dan suhu pada saiz partikel yang dimalarkan (0.50 mm)	100
4.8	Plot permukaan asid linoleik daripada <i>S. mahagoni</i> sebagai fungsi tekanan dan saiz partikel pada suhu yang dimalarkan (50°C)	101
4.9	Plot permukaan asid linoleik daripada <i>S. mahagoni</i> sebagai fungsi suhu dan saiz partikel pada tekanan yang dimalarkan (25 MPa)	101
4.10	Perbandingan fizikal hasil ekstrak minyak biji <i>S. mahagoni</i> menggunakan SC-CO ₂ dan soxhlet	105
4.11	Perbandingan peratusan hasil ekstrak minyak biji <i>S. mahagoni</i> menggunakan SC-CO ₂ dan soxhlet	105
4.12	Perbandingan peratusan aktiviti DPPH ekstrak biji <i>S. mahagoni</i> menggunakan SC-CO ₂ dan soxhlet	109
4.13	Keluk pertumbuhan normal bagi sel fibroblas kulit manusia (HSF1184)	113
4.14	Morfologi sel fibroblas manusia (HSF1184) pada (a) hari ke-3 dan (b) hari ke-5	115
4.15	Kesan ekstrak <i>S. mahagoni</i> menggunakan kaedah pengeskrakan SC-CO ₂ dan Soxhlet terhadap kebolehidupan sel fibroblas kulit manusia (HSF1184)	117
4.16	Migrasi sel fibroblas kulit manusia selepas digores	120

4.17	Imej kultur sel fibroblas bagi penutupan luka <i>in vitro</i>	124
4.18	Kesan ekstrak biji <i>S. mahagoni</i> bagi invasi atau migrasi sel fibroblas kulit manusia (HSF1184)	127
4.19	Kesan ekstrak biji <i>S. mahagoni</i> bagi penghasilan kolagen dalam sel fibroblas kulit manusia (HSF1184)	129

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	-	Analisis varians
CO ₂	-	Karbon dioksida
DAPI	-	4'6-diamoni-2-phenylindole
MEM	-	Medium Eagle diubah suai
DMSO	-	Dimetil sulfoksida
DNA	-	Asid Dioksiribonukleat
DPPH	-	2,2-diphenyl-1-picrylhydrazine
EGF	-	Faktor pertumbuhan epidermis
FBS	-	Albumin anak lembu
FCR	-	Reagen Folin-Ciocalteu
FFA	-	Asid lemak bebas
FGFs	-	Faktor pertumbuhan fibroblas
G-CSF	-	Faktor perangsang koloni-ganulosit
GC-MS	-	Kromatografi Gas-Spektrometri Jisim
GM-CSF	-	Faktor perangsang koloni-makrofaj granulosit
HGF	-	Faktor pertumbuhan hepatosit
IGF-1	-	Faktor-1 pertumbuhan berupa insulin
IL-1	-	Interleukin-1
KGFs	-	Faktor pertumbuhan keratinosit
MAE	-	Pengekstrakan bantuan gelombang mikro
MTT	-	Methylthiazol tetrazolium
NO	-	Nitrik oksida
OH	-	Hidroksil
PBS	-	Penimbal fosfat bergaram
PDGF	-	Faktor pertumbuhan berasaskan platelet
PLE	-	Pengekstrakan cecair bertekanan
RSM	-	Kaedah tindak balas permukaan

SC-CO ₂	-	Pengekstrakan karbon dioksida lampau genting
SCF	-	Bendalir lampau genting
SFE	-	Pengekstrakan bendalir lampau genting
TGF- α	-	Faktor- α pertumbuhan transformasi
TGF- β	-	Faktor- β pertumbuhan transformasi
TNF	-	Faktor nekrosis tumor
TPC	-	Kandungan jumlah fenolik
VEFG	-	Faktor pertumbuhan endotelium vaskular

SENARAI SIMBOL

A_{control}	-	Penyerapan kawalan
A_{sample}	-	Penyerapan sampel
C	-	Kepekatan sel
D	-	Faktor pencairan
g	-	Gram
mg	-	Miligram
mL	-	Mililiter
μg	-	Mikrogram
N_A	-	Purata nombor sel yang dikira
$^{\circ}\text{C}$	-	Darjah Celcius
P	-	Tekanan
P_c	-	Tekanan kritikal
T	-	Suhu
T_c	-	Suhu kritikal
X_1	-	Tekanan
X_2	-	Suhu
X_3	-	Saiz partikel
Y	-	Jumlah hasil ekstrak

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Rajah – rajah berkaitan kajian	157
B	Kaedah Analitikal	168
C	Penerbitan	172

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian farmaseutikal daripada produk semula jadi merupakan salah satu bidang kajian yang paling menarik dan aktif. Ujian-ujian klinikal juga telah membuktikan sesetengah tumbuhan herba mengandungi kandungan farmakologikal aktif yang berkesan merawat penyakit. Oleh sebab kandungan farmakologikal aktif dalam tumbuhan herba selalunya berkepekatan rendah, kebanyakan kajian yang dijalankan menjurus kepada pembangunan kaedah pengekstrakan yang lebih efektif dan selektif dalam pengambilan semula sebatian-sebatian ini daripada bahan mentah (Lang *et al.*, 2001).

Swietenia mahagoni Jacq. (*Meliaceae*) lazimnya tumbuh di kawasan tropika Asia seperti India, Malaysia, Indonesia dan China. Bijinya digunakan dalam perubatan tradisional sebagai rawatan kepada hipertensi, diabetes dan demam malaria, manakala rebusan kulit pokoknya pula digunakan sebagai febrifuj (Chen *et al.*, 2007). Kesan terapeutiknya adalah berkait biji dengan kandungan bahan aktif biologi, asid lemak dan tetranortriterpenoid (Bascal *et al.*, 1997). Guevara *et al.*, (1996) melaporkan biji *S. mahagoni* mempunyai aktiviti antiradang, antimutagen dan antitumor. Ekstrak tumbuhan ini dikenal pasti mempunyai aktiviti antibakteria dan antifungus. Limonoid yang diperolehi daripada *S. mahagoni* mempunyai aktiviti antifungus dan digunakan dalam rawatan diabetes (Alrdahe *et al.*, 2010). Biji *S. mahagoni* merupakan produk pertanian yang bagus dan kaya dengan lemak (64.9%) (Ali *et al.*, 2011).

Asid lemak terdiri daripada rantai hidrokarbonat panjang dan kumpulan karboksil-terminal. Ia mempunyai tiga fungsi utama iaitu membentuk struktur membran biologi, menjadi pelopor kepada pengutus intrasel, dan juga pengoksida, dalam kes ini, menghasilkan adenosina trifosfat (ATP). Ada beberapa jenis asid lemak, tetapi asid linoleik dan asid linolenik memainkan peranan penting dalam rawatan luka. Kedua-dua asid ini tidak disintesis oleh mamalia kerana spesies ini tidak mempunyai enzim delta 9-desaturase; oleh sebab itu kedua-dua asid lemak ini dikenal sebagai asid lemak perlu (Ferreira *et al.*, 2012).

Kaedah konvensional bagi pengekstrakan bahan-bahan tumbuhan termasuklah penyulingan hidro dan pengekstrakan pelarut organik menggunakan kaedah penapisan, pemaseratan atau kaedah Soxhlet. Walau bagaimanapun, kaedah-kaedah ini masih mempunyai kelemahan seperti operasi yang memakan masa dan tenaga kerja selain melibatkan isi padu pelarut berbahaya yang banyak. Namun, minat terhadap kaedah pengekstrakan alternatif yang menggunakan pelarut organik dalam jumlah yang sedikit semakin meningkat berikutan peningkatan pemerolehan pelarut, kos pembuangan, dan sekatan undang-undang (Khajeh, 2011). Oleh sebab itu, pembangunan kaedah pengekstrakan alternatif dengan selektiviti dan keberkesanan yang lebih tinggi adalah sangat diperlukan. Sementara itu, pengekstrakan bendalir lampau genting (SFE) merupakan kaedah pengekstrakan yang mesra alam dan efisien bagi bahan pepejal. Kaedah SFE telah diperkenalkan dan dikaji dengan meluas bagi pemisahan sebatian aktif daripada tumbuhan herba dan tumbuhan-tumbuhan lain (Lang *et al.*, 2001).

Lang dan Wai (2001) mengkaji beberapa kelebihan SFE, termasuk tempoh pengekstrakan yang lebih singkat apabila menggunakan bendalir lampau genting kerana bendalir ini mempunyai kelikatan yang agak rendah dan kemeresapan yang agak tinggi, dan aliran bendalir berterusan menerusi sampel boleh memberikan pengekstrakan yang lengkap, SFE lazimnya dilakukan pada suhu yang rendah dengan kekuatan pelarut bagi bendalir boleh dilaraskan dengan mengubah tekanan dan suhu. Pemisahan zat terlarut dalam bendalir lampau genting boleh dilakukan dengan mudah oleh proses nyahtekanan. Sampel hanya diperlukan dalam kuantiti

yang sedikit, dan tiada atau hanya sedikit pelarut organik yang diperlukan; Malah, pelarut karbon dioksida yang biasa digunakan dalam SFE adalah mesra alam.

Karbon dioksida (CO₂) merupakan gas yang paling lazim digunakan bagi kaedah bendalir lampau genting kerana sifatnya yang tidak toksik, tidak mudah terbakar, kos efektif dan dapat diasingkan daripada ekstrak dengan mudah menggunakan proses nyahtekanan (Casas *et al.*, 2008; Liu *et al.*, 2001). Bahan-bahan pemprosesan bendalir lampau genting tidak memerlukan pensterilan secara berasingan kerana bakteria gram positif dan bakteria gram negatif boleh dinyahaktifkan pada suhu sederhana. Kecerunan tekanan yang tinggi semasa pelepasan tekanan boleh menghasilkan ekstrak yang bebas mikroorganisma dan spora, dengan hayat simpanan yang lebih lama daripada ekstrak pelarut yang biasa (Reinozo *et al.*, 2006). Pada masa ini, SFE menjadi teknik pengekstrakan yang diterima pakai dalam pelbagai bidang.

1.2 Pernyataan Masalah

Swietenia mahagoni digunakan secara meluas sebagai ubat tradisional di beberapa buah negara termasuk Malaysia, Indonesia, China, dan India. Tumbuhan ini digunakan secara tradisional bagi rawatan demam, malaria, diabetes, batuk kering, hipertensi, dan juga sebagai antiseptik. Selain itu, dalam kajian baru-baru ini, laporan menunjukkan ekstrak *S. mahagoni* mampu untuk memberi kesan membaik pulih terhadap tikus diabetes, perencatan pengagregatan platelet, ciri-ciri antimikrob, dan aktiviti anti-HIV (Rahman *et al.*, 2009). *S. mahagoni* mungkin mempunyai aktiviti antioksidan yang kuat (Alrdahe *et al.*, 2010). Ini kerana tumbuhan ini mempunyai pelbagai sebatian bioaktif termasuk alkaloid, terpenoid, antrakuinon, saponin, fenol, flavonoid, minyak meruap, fosfolipid, asid lemak, triterpenoid, tetranortriterpenoid dan 45 limonoid (Bhurat *et al.*, 2011).

Beberapa kajian lepas melaporkan bahawa biji *S. mahagoni* memiliki asid linoleik (LA) yang tinggi. LA merupakan asid lemak perlu dan tidak dihasilkan

dalam tubuh manusia, tetapi boleh diperoleh daripada tumbuhan. LA semakin terkenal dalam industri produk kecantikan kerana manfaatnya kepada kulit. Kajian lain melaporkan kepentingan *S. mahagoni* sebagai antiradang, antijerawat dan penyimpan lembapan apabila diaplikasikan ke atas kulit (Letawa *et al.*, 1998). Dapatan daripada kajian-kajian tersebut menunjukkan yang biji *S. mahagoni* berpotensi untuk menyembuhkan luka pada kulit manusia; oleh itu, ia akan dikaji menggunakan cerakin *in vitro* dalam kajian ini.

Kajian pengestrakan *S. mahagoni* telah dilakukan menggunakan pengestrakan pelarut konvensional dan pengestrakan Soxhlet terhadap aktiviti antimikrob dan antifungus (Ali *et al.*, 2011), dan penentuan aktiviti antioksidan (Hajra *et al.*, 2011). Namun, hasil pengestrakan yang diperoleh adalah rendah dengan sisa pelarut dalam ekstrak yang tinggi. Kelemahan ini dapat diatasi dengan menggunakan kaedah pengestrakan karbon dioksida lampau genting yang tidak toksik, murah, mesra alam, berpotensi memberikan ekstrak dengan kualiti yang tinggi, dan tidak menghasilkan sisa pelarut dalam produk. Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada pengoptimuman pengestrakan asid linoleik daripada biji *S. mahagoni* menggunakan kaedah pengestrakan bendalir lampau genting CO₂, dan juga mengkaji keberkesanan ekstrak *S. mahagoni* terhadap penutupan luka pada lapisan sel fibroblas manusia melalui kaedah *in vitro*. Semasa kajian ini dijalankan, pengestrakan biji *S. mahagoni* menggunakan karbon dioksida lampau genting dan penggunaannya dalam penyembuhan luka pada kulit manusia belum pernah dikaji.

1.3 Objektif Kajian

Objektif-objektif bagi kajian ini ialah:

- 1) Untuk menentukan keadaan pemboleh ubah (tekanan, suhu dan saiz partikel) bagi asid linoleik daripada ekstrak biji *S. mahagoni* menggunakan kaedah pengestrakan karbon dioksida lampau genting (SC-CO₂).

- 2) Untuk mengkaji aktiviti penyembuhan luka oleh ekstrak biji *S. mahagoni* menggunakan model *in vitro*.

1.4 Skop Kajian

Skop-skop bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Menjalankan eksperimen untuk menentukan pengekstrakan asid linoleik daripada biji *S. mahagoni* pada julat keadaan terpilih (Tekanan 20-30 Mpa, Suhu 40-60 °C, dan saiz partikel 0.25-0.75 mm) menggunakan SC-CO₂.
- 2) Kajian terhadap kesan-kesan pemboleh ubah proses, iaitu tekanan, suhu dan saiz partikel, ke atas pengekstrakan asid linoleik.
- 3) Analisis asid linoleik dalam ekstrak biji *S. mahagoni* menggunakan kaedah kromatografi gas-spektrometri jisim (GC-MS).
- 4) Penentuan aktiviti antioksidan bagi ekstrak biji *S. mahagoni* menggunakan asai hapus-sisa radikal bebas 2,2-difenil-1-pikrilhidrazil (DPPH) dan jumlah kandungan fenolik (TPC).
- 5) Penentuan aktiviti antimikrob bagi ekstrak biji *S. mahagoni* menggunakan kaedah resapan cakera.
- 6) Kajian aktiviti penyembuhan luka oleh ekstrak biji *S. mahagoni* menggunakan cerakin MTT bagi analisis sitotoksik, cerakin goresan bagi analisis penutupan luka, cerakin Transwel bagi perpindahan sel dan Cerakin kolagen sircol bagi produksi kolagen.
- 7) Pengekstrakan biji *S. mahagoni* menggunakan kaedah pengekstrakan soxhlet pelarut heksana sebagai perbandingan.

1.5 Sumbangan Penting

Sumbangan utama kajian ini dapat dilihat daripada dua aspek: sumbangan akademik dan profesional. Dari aspek sumbangan akademik, bahagian yang baharu ialah manipulasi keadaan pengekstrakan karbon dioksida lampau genting bagi biji *S. mahagoni* untuk mendapatkan hasil ekstrak yang berketulenan tinggi, berkualiti tinggi dan bebas sisa.

Sumbangan profesional pula adalah penggunaan keadaan SC-CO₂ bagi pengekstrakan sebatian daripada biji *S. mahagoni* dan analisis terhadap ciri-ciri antioksidan, antimikrob dan penyembuhan luka. Dapatan daripada eksperimen ini menunjukkan kesemua ekstrak biji *S. mahagoni* mempunyai ciri-ciri antioksidan, antimikrob, tidak toksik dan boleh merangsang percambahan dan migrasi sel dalam cerakin goresan *in vitro*. dan menunjukkan potensi untuk digunakan dalam rawatan penyembuhan luka. Aspek ini memberikan prospek yang bagus bagi penggunaan *S. mahagoni* sebagai produk berasaskan tumbuhan dalam bidang farmaseutikal dan nutraseutikal. Oleh itu, biji *S. mahagoni* mempunyai potensi yang tinggi untuk dikomersialkan pada masa hadapan.

1.6 Perincian Tesis

Tesis ini dibahagikan kepada lima bab. Bab 1 ialah pengenalan bagi keseluruhan kajian. Bab ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian dan sumbangan penting kajian. Bab 2 iaitu Tinjauan literatur, menerangkan empat tajuk utama yang ditinjau iaitu sebatian bioaktif dalam tumbuhan, *Swietenia mahagoni*, kaedah pengekstrakan dan penyembuhan luka. Bab 3 (Metodologi) menerangkan bahan-bahan dan metodologi yang digunakan bagi menjalankan kajian. Bab ini menjelaskan secara lengkap kaedah eksperimen iaitu persiapan sampel, pengekstrakan Soxhlet, pengekstrakan SC-CO₂, penentuan asid linoleik, aktiviti antimikrob, aktiviti antioksidan, aktiviti penyembuhan luka (cerakin MTT, cerakin goresan, cerakin Transwell dan penghasilan kolagen). Hasil dan

perbincangan dihuraikan dengan terperinci pada Bab 4. Akhir sekali, Bab 5 menjelaskan kesimpulan dari keseluruhan kajian dan cadangan untuk kajian pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Adasoglu, N., Dincer, S. and Bolat, E. (1994). Supercritical Fluid Extraction of Essential Oil From Turkish Lavender Flowers. *J. Supercrit. Fluids*, 7: 93-99.
- Adetutu, A., Morgan, W.A., Corcoran, O. (2011). Ethnopharmacological Survey and in vitro Evaluation of Wound-Healing Plants Used in South-Western Nigeria. *Journal of Ethnopharmacology*, 137: 50-56.
- Alexander, W.S., Brusewitz, G.H., Maness, N.O. (1997). Pecan Oil Recovery and Composition as Affected by Temperature, Pressure, and Supercritical CO₂ Flow Rate. *J. Food Sci.*, 62: 762
- Ali, M.A., Sayeed, M.A., Islam, M.S., Yeasmin, M.S., Khan, G.R.M.A.M. and Ida, I.M. (2011). Physicochemical and Antimicrobial Properties of *Trichosanthes anguina* and *Swietenia mahagoni* seeds. *Bull. Chem. Soc. Ethiop.*, 25(3): 427-436.
- Alrdahe, S.S., Abdulla, M.A., Razak, S.A., Kadir, F.A. and Hassandarvish, P. (2010). Gastroprotective Activity of *Swietenia Mahagoni* Seed Extract on Ethanol-Induced Gastric Mucosal Injury in Rats. *World Academy of Science, Engineering and Technology*, 67: 883-887.
- Alvarez-Castellanos, P.P., Bioshop, C.D., Pascual-Villalabos. (2001). Antifungal Activity of The Essential Oils of Flower Heads of Garland Chrysanthemum (*Chrysanthemum coronarium*) against agricultural Pathogens. *Phytochemistry*, 57: 99-102.
- Anneken, D.J., Both, S., Chritoph, R., Fieq, G., Steinberner, U. and Westfechtel, A. (2006). *Fatty Acid in Ullmann's Encyclopedia of Industrial Chemistry*, Wiley-VCH, Weinheim.
- Antolovich, M., Prenzler, P.D., Patsalides, E., McDonald, S., Rolands, K. (2002). Methods For Testing Antioxidant Activity. *The Analyst*, 127: 183-198.

- Anzel, J. C., Kaynard, A. H., Armstrong, C. A., Olerud, J., Bunnett, N., and Payan, D. (1996). Skin Nervous System Interactions. *J. Invest. Dermatol.* 106: 198-204.
- Aramwit, P., Kanokpanont, S., De-Eknamul, W., Kamei, K. and Srichana, T. (2009). The Effect of Sericin With Variable Amino-Acid Content From Different Silk Strains on The Production of Collagen and Nitric Oxide. *J. Biomater. Sci. Polym. Ed.*, 20:1295-1306.
- Atsatt, P. R. and O'Dowd, D.J. (1976). *Plant Defense Guild Science*, 193: 24-29.
- Banks, J.F. and C.M. Whitehouse. (1997). Electrospray Ionization Mass Spectrometry Of RNA Nucleobases: Implications For Solution Chemistry and Ion Source Operating Conditions. *Int. Mass Spectrom. Ion Processes*, 162: 163-172.
- Bascal, K., Chavez, L., Diaz, I., Espina, S., Javillo, J., Manzanilla, H., Motalban, J., Panganiban, C., Rodriguez, A., Sumpaico, C., Talip, B., and Yap, S. (1997). The Effect os *Swietenia mahagoni* (Mahogany) Seed Extract on Indomethacin-induced Gastric Ulcers in Female Sprague-dawley Rats. *ActaMed. Philipp*, 3: 127-139.
- Bernardo-Gil, G., oneta, C., Antunes, P., Rodriguez, M.F. and Empis, J.M. (2001). Extraction of Lipids From Cherry Seed Oil Using Supercritical Carbon Dioxide. *Eur.Food Res. Technol.*, 212: 170-174.
- Bernardo-Gil, M. G. and Lopes, L. M. C. (2004). Supercritical Fluid Extraction of *Cucurbita ficifolia* Seed Oil. *European Food Research and Technology*, 219: 593-597.
- Bernhoft, A. (2010). Bioactive Compounds In Plants- Benefits And Risks For Man And Animals. The Norwegian Academy of Science and Letters. Printed in Norway AIT Otta.
- Beveridge, T.H.J (2005). Yield and Composition of grape seed oils extracted by supercritical carbon dioxide and petroleum ether: Varietal effects. *J.Agric. Food Chem.*, 53: 1799.
- Bhattacharjee, P., Singhal, R.S. and Tiwari, S.R. (2007). Supercritical Carbon Dioxide Extraction of Cottonseed Oil. *Journal of Food Engineering*, 79: 892-898.

- Bhurat, M.R., Bavaskar, S. R., Agrawal, A.D. and Bagad, Y.M. (2011). Swietenia mahagoni Linn.-A Phytopharmacological Review. *Asian J. Pharm. Res.* 1(1): 1-4.
- Bors, W., Heller, W., Michel, C. and Saran, M. (1990). Flavonoids As Antioxidants: Determination of Radical-Scavenging Efficiencies. *Methods Enzymol.* 186: 343-355.
- Bozan, B. and Temelli, F. (2002). Supercritical CO₂ Extraction of Flaxseed. *J. Am. Oil Chem. Soc.*, 79: 231.
- Brown, K.L., Phillips, T.J., FRCPC, MD. (2010). Nutrition and Wound Healing. *Clinics in Dermatology*, 28: 432-439.
- Brunner, G. (2005). Supercritical Fluids: Technology and Application to Food Processing. *Journal of food engineering*, 67:21-33.
- Burr, G.O., Burr, M.M., and Miller, E. (1930). On the Nature and Role of The Fatty Acids Essential in Nutrition. *J. Biol. Chem.*, 86(587): 1-9.
- Butler, M. (2004). Animal cell culture and technology. London and New York: Garland Science/BIOS Scientific Publishers.
- Caldera, G., Figueroa, Y., Vargas, M., Santos, D.T. and Marquina-Chidsey, G. (2012). Optimization of Supercritical Fluid Extraction of Antioxidant Compounds from Venezuelan Rosemary Leaves. *International Journal of Food Engineering*, 8 (4).
- Camel (2000). Microwave-Assisted Solvent Extraction of Environmental Samples. *Trends in analytical Chemistry*, 19(4): 229-248.
- Casas, I., Mantell, C., Rodriguez, M., Torres, A., Macias, F.A. and De la Ossa, E.J.M. (2008). Supercritical Fluid Extraction of Bioactive Compounds from Sunflower Leaves with Carbon dioxide and Water on a Pilot Plant Scale. *J. Supercritical Fluids*, 45: 37-42.
- Cheah, ELC., Chan, LW. And Heng, PW. (2006). Supercritical Carbon Dioxide and Its Application in The Extraction of Active Principles from Plant Materials. *Asian Journal of Pharmaceutical Sciences.* 1:59-71.
- Chen, W.I., Kuo, K.T., Chou, T.Y., Wang, C.H., Wei, Y.H. and Wang, L.S. (2012). The Role of Cytochrome c Oxidase subunit Vain nonsmall Cell Lung Carcinoma Cells: Association with Migration, Invasion and Prediction of distant metastasis. *BMC Cancer*, 12:273.

- Chen, Y.Y., Wang, X.N., Fan, C.Q., Yin, S. and Yue, J.M. (2007). Swiemaogins A and B, Two Novel Limnoids from *Swietenia mahogany*. *Tetrahedron Letters*, 48: 7480-7484.
- Chen, Y.T. and Ling, Y-C. (2000). An Overview of Supercritical Fluid Extraction in Chinese Herbal Medicine: From Preparation To Analysis. *Journal of food and drug analysis*, 8(4): 235-247
